



كِرَالِيَا نِي كِدَاڤِي قِيحِي بِيَا زَالِيَا مِي سِيَا نِي

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04 - 702 7795
Faks : 04 - 702 7720
(Bhg. Kewangan)
: 04 - 702 7722
(Bhg. Perbendaharaan)
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my
E-mel : pkpkn@kedah.gov.my

كِدَاڤِي سِيَا نِي
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami : PPNK.BN 400/3/15 (22)

Tarikh : 16 Ogos 2021

7 Muharram 1443H

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN/PTJ NEGERI KEDAH

S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN AP 58(a)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan merujuk kepada pemerhatian audit terhadap pengauditan penyata kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 berkaitan Bayaran AP58(a) dan AP 59, didapati pengurusan bayaran di bawah AP58 bagi jabatan-jabatan kerajaan negeri berada ditahap yang tidak memuaskan.

3. Berdasarkan laporan pemerhatian audit tersebut, jumlah bayaran AP58 tahun 2020 mencatatkan jumlah sebanyak RM1,618,247.02 melibatkan 757 baucar bayaran manakala sehingga 31 Mei 2021 jumlah bayaran AP58 telah meningkat kepada RM2,312,757.45 melibatkan 897 baucar. Peningkatan bayaran di bawah AP58 ini menggambarkan pengurusan kewangan yang tidak cekap dan memberi kesan kepada prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya.

4. Untuk makluman pihak S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, di antara pemerhatian audit yang perlu diberi perhatian serius adalah berkaitan bayaran AP 58 yang melibatkan tanggungan tahun-tahun sebelum dan tanggungan-tanggungan yang tidak dapat dibayar disebabkan peruntukan tidak mencukupi sehingga pembayaran tidak dapat dibuat dalam tahun kewangan semasa.

5. Bagi mengelakkan teguran berulang ke atas pengurusan bayaran di bawah AP58, tindakan berikut hendaklah diambil oleh Jabatan/PTJ;

- (i) Menyelesaikan **segera** kesemua bayaran-bayaran bagi tahun-tahun lalu yang masih belum dijelaskan sebelum 31 Disember 2021. Jabatan/PTJ hendaklah membuat permohonan berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa dan memastikan peruntukan mencukupi. Sekiranya peruntukan tidak mencukupi permohonan pindah peruntukan hendaklah dibuat oleh jabatan/PTJ mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

PPNK.BN 400/3/15 (22)

- (ii) Memantau bayaran bagi pertanggungan tahun semasa dan memastikan kesemua tanggungan Jabatan/PTJ dibayar sepertimana ketetapan AP103(a). Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan pemantauan rapi dibuat ke atas Daftar Bil bagi mengelak kecaciran bayaran.
- (iii) Tidak membuat pertanggungan/perolehan bagi objek perbelanjaan yang tidak mencukupi/tidak dibajetkan/tidak dilulus peruntukan.
- (iv) Memastikan peruntukan bagi bayaran bil utiliti mencukupi sehingga 31 Disember 2021. Sekiranya didapati peruntukan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga 31 Disember permohonan pindah peruntukan hendaklah diuruskan dengan segera.
- (v) Merancang perbelanjaan berdasarkan bajet yang diluluskan dan mematuhi pekeliling-pekeliling berkaitan perbelanjaan berkuatkuasa.


6. Sepertimana ketetapan AP 58 dan bagi tujuan memperbaiki prestasi kewangan Kerajaan Negeri, bayaran AP58 mulai tahun 2022 hanya akan diluluskan bagi menjelaskan pertanggungan bulan Disember 2021 sahaja yang merangkumi bayaran utiliti dan tuntutan elaun pegawai awam bagi bulan Disember sahaja. Bagi pertanggungan yang tidak dapat dibayar disebabkan peruntukan tidak mencukupi, bayaran akan dibuat mengikut ketetapan AP59.

7. Kerjasama dari pihak S.S Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' Paduka / YB Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan ke atas perkara ini didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

s.k Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Kedah